



KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

"Simpanan Hari Tua Anda"

NOTIS JAWATAN KOSONG

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA merupakan sebuah organisasi keselamatan sosial yang beroperasi melalui skim kumpulan wang di Malaysia. Visi kami adalah untuk menjadi sebuah organisasi keselamatan sosial yang terkemuka di dunia dan sebuah agensi Kerajaan terbaik di Malaysia. Melangkah ke arah tersebut, KWSP berhadapan dengan cabaran untuk membangunkan modal insan yang sejajar dengan keperluan semasa yang kompetitif. Untuk itu, KWSP mengadakan program latihan yang komprehensif serta menggalakkan kemasukan dari sektor swasta dalam memastikan KWSP dapat melaksanakan kepercayaan yang diberikan oleh Kerajaan dengan jayanya. Bagi menyokong aspirasi ini, kami memerlukan calon-calon yang berkebolehan dan bermotivasi tinggi yang berminat untuk membina kerjaya dengan kami.

KERANI

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 1.0 Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang masih belum bekerja / mempunyai pekerjaan tetap yang memiliki sijil SPM / SPMV dengan memiliki sekurang-kurangnya kredit dalam matapelajaran Bahasa Malaysia (termasuk ujian lisan).

STATUS JAWATAN

Kontrak

GAJI & ELAUN

RM 1,160.00 serta Elaun Sara Hidup RM 300.00 sebulan.

PENOLONG PENGURUS

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 1.0 Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang masih belum bekerja / mempunyai pekerjaan tetap yang memiliki Ijazah Sarjanamuda dengan kepujian yang diiktiraf dalam bidang Pentadbiran Perniagaan / Perakaunan / Kewangan / Ekonomi / Matematik dan Pengurusan;
- 2.0 Calon-calon juga mestilah lulus sijil SPM / SPMV dengan memiliki sekurang-kurangnya kredit dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (termasuk ujian lisan).

STATUS JAWATAN

Kontrak

GAJI & ELAUN

RM 2,284.00 serta Elaun Sara Hidup RM 300.00 sebulan.

CARA MEMOHON

Calon-calon yang berminat adalah dipelawa mengemukakan surat permohonan dengan menyatakan jawatan yang dipohon beserta keterangan peribadi yang lengkap (resume/curriculum vitae) mengenai kelayakan dan pengalaman, salinan sijil-sijil akademik dan transkrip akhir, kad pengenalan, sijil kelahiran, slip gaji (jika ada), nombor telefon untuk dihubungi dan sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) selewat-lewatnya pada 20 SEPTEMBER 2007 kepada:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
TINGKAT 21 BANGUNAN KWSP
JALAN RAJA LAUT
50350 KUALA LUMPUR**

Sila catatkan perkara berikut di ruang atas sebelah kiri sampul surat permohonan : Jawatan Dipohon dan Bidang Kursus (*hanya untuk jawatan Penolong Pengurus Kontrak*).

Hanya permohonan yang **LENGKAP** sahaja akan diproses. Semua permohonan adalah **SULIT** dan hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Permohonan calon adalah dikira **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak menerima sebarang maklumbalas dari KWSP **3 bulan** dari tarikh iklan ditutup.